

IBU bapa perlu luang lebih masa berkualiti bersama anak.



10-01-2018

setempat

3

Yusmizal Dolah Aling
yusmizal@hmetro.com.my

Dekat tapi jauh

Hubungan keluarga makin renggang akibat tuntutan kerja, pengaruh teknologi maklumat

Kuala Lumpur

Semua kerana kerja. Gaya hidup moden dan kecanggihan teknologi maklumat tanpa sempadan menjadikan hubungan anak dan ibu bapa kini semakin renggang.

Jika dulu ibu berada sepenuh masa di rumah, tapi kini kebanyakan wanita berkerjaya menyebabkan mereka dihimpit kesibukan dan keletihan sebaik pulang kerja.

Bila ada masa terluang atau rehat hujung minggu, gajet dan telefon pintar lebih diutamakan terutama dalam bersosial bersama rakan Facebook (FB) atau pelbagai aplikasi lain daripada bermain atau bersembang bersama anak.

Itu kesimpulan kajian sekumpulan penyelidik dari Universiti Putra Malaysia (UPM) baru-baru ini yang menunjukkan ramai ibu bapa di negara ini menghabiskan masa berkualiti tidak sampai lima jam sehari bersama keluarga.

Bukan itu saja, daripada soal selidik itu, ada ibu bapa hanya bercakap dengan anak menerusi panggilan telefon dari pejabat kerana tiada masa berbual di rumah.

Kebanyakan mereka memberikan alasan sibuk bekerja, keletihan selepas pulang dari pejabat dan kekurangan masa akibat hal lain menyebabkan masa bersama anak sangat terhad.

Kajian diketuai Ketua Bahagian Kaunseling UPM, Redzuan Zamberi itu juga mendedahkan ada ibu bapa sangat menginginkan masa bercuti bersama anak, pulang ke kampung serta belajar agama.

Katanya, kajian membabitkan 300 ibu bapa itu juga menunjukkan, mereka juga tidak



KUMPULAN penyelidik UPM berbincang bekenaan kajian masa berkualiti bersama keluarga.

Sibuk sangat tak sempat senyum

Kuala Lumpur: Hendak senyum pun tak sempat. Itu antara luahan anak mengenai masa diluahkan ibu bapa mereka menyebabkan mereka banyak menghabiskan masa di luar.

Sebaliknya mereka mahu menghabiskan masa bersama, berkongsi cerita dan tidak hanya menumpukan kepada telefon atau gajet.

Itu antara permintaan anak yang dikongsikan di dalam kaji selidik dijalankan Universiti Putra Malaysia (UPM) baru-baru ini dan ia menunjukkan kebanyakan mereka kurang mendapat perhatian ibu bapa masing-masing.

Hasil kajian juga mendapati, mereka mengakui ibu bapa cuba memberikan masa berkualiti dengan baik, namun keka-

ngan komitmen lain menjadikan ada antara mereka langsung tidak sempat berbual di rumah.

Ada juga yang meminta supaya kehadiran mereka di dalam keluarga dirasai sepenuhnya dan bukan menerusi perbualan di media sosial.

Responden juga sama sekali tidak bersetuju masa bersama yang 'hilang' diganti wang ringgit kerana mereka lebih memerlukan kasih sayang daripada ibu bapa berbanding nilai kebendaan atau kemewahan.

Mereka juga mencadangkan ibu bapa mencari ruang menghabiskan masa bersama di rumah, melancong, balik kampung, aktiviti rekreasi serta tidak hanya memberikan tumpuan kepada komitmen kerja semata-mata.

bersetuju sekiranya masa berkualiti digantikan wang ringgit, sebaliknya menghabiskan masa bersama sebagai keluarga bahagia.

"Ada yang mahu memeluk erat anak dan mendengar cerita mereka seperti ibu ba-


pa generasi terdahulu, ada juga yang mahu mengajar mereka adab sopan dan persoalan mengenai akhirat.

"Kami juga dapati ada ibu bapa yang merasakan persoalan mengenai masa berkualiti ini dilontarkan 15 ta-

hun lalu supaya dia tidak melakukan kesilapan dalam mengabaikan anak," katanya.

Redzuan berkata, kajian itu juga mendapati, ibu bapa mengakui 'masa dan peranan' mereka sebagai peneaman keluarga banyak diam-

Maksud Masa Kualiti yang patut ibu bapa beri kepada saya sebagai anak adalah...




- Bersama, bermain
- Luangkan masa bersama saya
- Bersama-sama menjalankan aktiviti
- Mendengar, bercerita, bermain
- Makan bersama
- Tidak pegang telefon atau gajet
- Bermain bersama
- Lain-lain (sila nyatakan)

Saya rasa ibu bapa saya luangkan masa berkualiti bersama saya dalam tempoh seminggu..




- Lebih 10 jam seminggu
- Kurang 10 jam seminggu
- Kurang 5 jam seminggu

Berapa lama anda habiskan masa berkualiti bersama anak dalam tempoh seminggu?



- Lebih 10 jam
- Kurang 10 jam
- Kurang 5 jam

Anda rasa anda luangkan masa berkualiti bersama anak anda?



- Ya
- Tidak

Adakah wajar masa yang kurang digantikan dengan duit?



- Tidak
- Ya

bil alih gajet dan telefon pintar.

Menurutnya, ada responden sedih kerana menumpukan kepada kerja untuk mencari duit bagi menguruskan keluarga masing-masing.

"Mereka memberikan definisi masa berkualiti itu dengan cara sendiri namun semuanya terarah kepada meluangkan masa bersama. Lebih 80 peratus daripada res-

ponden menyatakan mereka cuba sebaik mungkin.

"Hampir 95 peratus daripada mereka tidak bersetuju masa terhad itu digantikan dengan duit manakala 100 orang tidak bersetuju cuti tahunan diambil pada waktu cuti sekolah saja," katanya.

ESOK: Gajet tidak berkongsi perasaan